

## KHUTBAH JUMAAT

### "MENSYUKURI PEMBERIAN, MENGINSAFI UJIAN"

(11 April 2025M/ 12 Syawal 1446H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ، وَإِمَامًا لِّلْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَسَيِّدًا لِّلْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan, dengan menunaikan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi semua tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, menjadi contoh dan ikutan insan yang lain.

Jagalah adab Solat Jumaat, usahlah bercakap-cakap dan bermain telefon bimbit serta berilah perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan ganjaran pahala yang sempurna. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**Mensyukuri Pemberian, Menginsafi Ujian**".

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Terdapat dua perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan kita sebagai umat Islam. Pertama, kita perlu mensyukuri kurniaan Allah *subhanahu wata'ala* yang telah diberikan kepada kita. Kedua, menginsafi dan mengambil iktibar daripada ujian yang dihadapi.

Menurut Ibnu 'Ajibah *rahimahullah* di dalam kitabnya *Mi'raj at-Tasyawwuf ila Haqa'iq at-Tasawwuf*, syukur ialah kebahagiaan hati atas nikmat yang diperolehi, diiringi dengan menjadikan seluruh anggota tubuh badan supaya taat kepada Allah *subhanahu wata'ala* yang memberikan nikmat, dan pengakuan atas segala nikmat yang diberikan-Nya dengan rendah hati.

Sesungguhnya, nikmat yang dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita begitu banyak, lebih dari apa yang dapat kita hitung. Nikmat hidup, nikmat iman, nikmat kesihatan, nikmat rezeki, nikmat keluarga yang bahagia, dan sebagainya.

Oleh sebab itu, wajib bagi kita untuk bersyukur atas nikmat Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 152:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ (١٥٢)

**Maksudnya:** Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), nescaya Aku ingat (pula) kepadamu dan bersyukurlah kepada-Ku dan janganlah kamu mengingkari (nikmat-Ku).

Mensyukuri kurniaan Allah bukan hanya dengan perkataan "Alhamdulillah", tetapi juga dengan amalan. Kita perlu menggunakan nikmat yang diberikan dengan cara yang diredhai-Nya. Nikmat harta, misalnya, digunakan untuk membantu orang lain dan memberi sedekah. Nikmat kesihatan digunakan untuk beribadah kepada-Nya. Nikmat ilmu digunakan untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

Imam al-Qurtubi *rahimahullah* menjelaskan bahawa syukur seorang hamba kepada Allah *subhanahu wata'ala* ialah sebutan dengan lidah, pengakuan dalam hati akan nikmat daripada Allah, disertai dengan ketaatan kepada-Nya.

Justeru, Sheikh Abdul Malik bin Abdullah *rahimahullah* yang terkenal dengan panggilan Tok Pulau Manis menjelaskan dalam kitabnya *Syarah Hikam* bahawa sebahagian ulama tasawwuf membahagikan syukur kepada tiga bahagian:

**Pertama:** Syukur dengan hati, iaitu mengetahui bahawa segala nikmat itu adalah kurniaan Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kedua:** Syukur dengan lidah, iaitu memperbanyakkan zikir memuji Allah *subhanahu wata'ala* dengan lidah, dan termasuk di dalamnya juga menyebut-nyebut segala nikmat dan menzahirkannya.

**Ketiga:** Syukur dengan segala anggota, iaitu menggunakan anggota badan untuk melakukan kebaikan dan ketaatan sebagai bentuk syukur.

Pada masa yang sama, Islam juga mendidik kita agar bersyukur juga kepada manusia. Bersyukur kepada manusia adalah dalam erti kata melahirkan perasaan terima kasih dan penghargaan atas pertolongan dan kebaikan yang diberikan. Berterima kasih kepada manusia lain atas kebbaikannya menjadi kayu ukur apakah seseorang itu dapat bersyukur kepada Allah *subhanahu wata'ala* atau tidak atas segala nikmat pemberian-Nya. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( لَا يَشْكُرُ اللَّهُ مَنْ لَا يَشْكُرُ النَّاسَ ))

**Maksudnya:** *Tidak dikatakan bersyukur pada Allah bagi sesiapa yang tidak tahu berterima kasih pada manusia.*

*(Hadis riwayat Imam Abu Daud dan Imam at-Tirmizi)*

Imam al-Khattabi *rahimahullah* dalam kitabnya *Ma'alim as-Sunan* menjelaskan bahawa hadis tadi ditafsirkan dengan dua makna, iaitu:

**Pertama:** Sesiapa yang tabiat dan kebiasaannya adalah kufur terhadap nikmat (kebaikan) orang dan tidak bersyukur atas kebaikan mereka, maka nescaya termasuk kebiasaannya adalah kufur terhadap nikmat Allah *subhanahu wata'ala* dan tidak bersyukur kepada-Nya.

**Kedua:** Allah *subhanahu wata'ala* tidak menerima syukur seorang hamba di atas kebaikan-Nya kepadanya, jika seseorang hamba tidak bersyukur kepada kebaikan orang lain dan kufur terhadap kebaikan mereka.

Berkaitan dengan hal ini, terdapat sebuah hadis daripada Nu'man bin Basyir *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( مَنْ لَمْ يَشْكُرِ الْقَلِيلَ لَمْ يَشْكُرِ الْكَثِيرَ، وَمَنْ لَمْ يَشْكُرِ النَّاسَ لَمْ يَشْكُرِ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ، وَالتَّحَدُّثُ بِنِعْمَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ شُكْرٌ، وَتَرْكُهَا كُفْرٌ، وَالْجَمَاعَةُ رَحْمَةٌ، وَالْفُرْقَةُ عَذَابٌ ))

**Maksudnya:** Sesiapa yang tidak bersyukur atas sesuatu yang sedikit, tidak akan bersyukur untuk sesuatu yang lebih banyak. Sesiapa yang tidak berterima kasih kepada orang lain (atas kebaikan mereka kepadanya), tidak akan bersyukur kepada Allah azza wajalla. Menyebut-nyebut nikmat Allah azza wajalla yang diterimanya adalah suatu bentuk kesyukuran, dan mendiampkannya pula adalah satu bentuk kekufuran (kufur nikmat). Berada dalam jemaah (perpaduan) adalah satu rahmat, dan perpecahan itu adalah suatu azab.

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah mengajar kita sebagai umatnya dengan ucapan terima kasih yang terbaik. Daripada Usamah bin Zaid *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( مَنْ صُنِعَ إِلَيْهِ مَعْرُوفٌ فَقَالَ لِفَاعِلِهِ جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا فَقَدْ أَبْلَغَ فِي الشَّانِ ))

**Maksudnya:** Sesiapa yang dilakukan padanya kebaikan, lalu dia berkata kepada orang tersebut: “Jazakallahu khairan (semoga Allah

*membalasmu dengan kebaikan), maka dia telah benar-benar memberikan pujian penghargaan.*

*(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)*

Daripada Jabir *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( مَنْ أُعْطِيَ عَطَاءً فَوَجَدَ فَلْيَجْزِ بِهِ وَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَلْيُثْنِ فَإِنَّ مَنْ أَثْنَى فَقَدْ شَكَرَ وَمَنْ كَتَمَ فَقَدْ كَفَرَ ))

**Maksudnya:** “Siapa yang diberi pemberian maka hendaklah dia membalasnya dengan itu pula. Kalau tidak maka dengan memuji, sebab dengan memuji bererti telah bersyukur dan sesiapa yang menyembunyikan (kebaikan orang padanya) bererti dia telah kufur (nikmat)”

*(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)*

Ibnu Ata'illah as-Sakandari *rahimahullah* menjelaskan tentang syukur dalam kitabnya *al-Hikam* dengan kata-katanya:

مَنْ لَمْ يَشْكُرِ النِّعَمَ فَقَدْ تَعَرَّضَ لِزَوَالِهَا، وَمَنْ شَكَرَهَا فَقَدْ قَيَّدَهَا بِعِقَالِهَا

**Maksudnya:** Sesiapa yang tidak mensyukuri nikmat, sesungguhnya dia berusaha menghilangkannya. Dan sesiapa yang mensyukurinya, maka sesungguhnya, dia menambatkannya dengan tambatannya.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Dalam hidup kita, Allah *subhanahu wata'ala* juga memberikan ujian. Ujian adalah sebahagian daripada kehidupan dan itu adalah sunnatullah yang tidak boleh kita elakkan. Ujian datang dalam

pelbagai bentuk; kadangkala berupa musibah, kesulitan, kehilangan, atau bahkan penyakit. Gempa bumi, banjir, kebakaran dan sebagainya adalah antara bentuk ujian yang diberikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada manusia. Namun, Allah *subhanahu wata'ala* mengingatkan kita dalam surah al-Baqarah, ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ...

**Maksudnya:** *Allah tidak membebani seseorang itu melainkan setakat yang terdaya ditanggung olehnya ...*

Ujian adalah cara Allah *subhanahu wata'ala* menguji kesabaran, keimanan, dan ketakwaan kita. Oleh itu, apabila kita menghadapi ujian, kita harus bersabar dan yakin bahawa setiap ujian itu ada hikmahnya. Allah *subhanahu wata'ala* ingin mengangkat darjat kita di sisi-Nya, membersihkan dosa-dosa kita, atau memberi kita peluang untuk menjadi lebih dekat kepada-Nya.

Setiap ujian yang datang ada mengandungi hikmah. Setiap ujian adalah peluang untuk kita memperbaiki diri, menambah pahala, dan menginsafi diri kita. Oleh itu, marilah kita hadapi ujian dengan penuh kesabaran dan keyakinan bahawa Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa bersama orang-orang yang sabar.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Akhirnya, di penghujung khutbah ini, izinkan khatib merumuskan beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan.

**Pertama** : Kita hendaklah mensyukuri setiap nikmat yang diberikan oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kedua** : Kita hendaklah menghargai dan berterima kasih atas kebaikan orang lain kepada kita yang merupakan tanda kesyukuran kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

**Ketiga** : Kita hendaklah menginsafi setiap ujian yang datang kepada kita. Ketahuilah bahawa ujian adalah sebahagian daripada perjalanan hidup yang penuh dengan pengajaran dan hikmah. Jangan biarkan ujian menjauhkan kita dari Allah, sebaliknya gunakan ujian sebagai peluang untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

Marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

**Maksudnya** : *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memberitahu, "Sesungguhnya jika kamu bersyukur , Kami pasti akan menambah (nikmat) kepadamu dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkukuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ  
سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ  
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.  
اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara

kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيَكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.